

CONCEPTUALIZATION OF CHILDREN'S LITERATURE BASED ON ISLAMIC PERSPECTIVES

PENGGONSEPSIAN SASTERA KANAK-KANAK BERDASARKAN TASAWUR ISLAM

Mohd Shahrizal Nasir¹ & Kamarul Shukri Mat Teh²

¹Pusat Pengajian Bahasa Arab, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

²Pusat Pengajian Pendidikan, Dakwah dan Peradaban Islam, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Abstract

Islam emphasizes the importance of seeking knowledge through reading and this involves all Muslims including children. Thus, children must be exposed to the quality and useful reading materials. An abundance of children's reading material in the market calls for an evaluation of its content to ensure that children read appropriate reading materials. In addition, Muslim children should be given reading material that is in line with Islamic teachings. At the same time, all elements that are contrary to the Islamic teachings should be avoided from becoming reading content for children. Based on these points of views, this paper will explain the need for research on the concept of Islamic Children's Literature. Besides, this study refers to highlight the importance of Islamic Children's Literature, so that literature for Muslim children can help them understand the Islamic teachings. This study was conducted using a content analysis approach involving the views expressed by several scholars in the field of Islamic Children's Literature. The results of the discussion in this paper outline several important things that need to be worked on such as correcting misunderstandings about the concept of Islamic Children's Literature and intensifying the discourse on it in Malaysia. In addition, efforts to examine the content of reading materials for children should always be done to ensure its accuracy with the Islamic worldview. The priority of al-Sirah al-Nabawiyah as a reading material for Muslim children should also be given attention because of its content that brings useful lessons for human life.

Keywords: *Islamic Literature, Islamic Children's Literature, Literary Works, Children's Reading Material, Story Of The Prophets.*

Abstrak

Islam menekankan kepentingan menuntut ilmu menerusi pembacaan dan hal ini melibatkan seluruh umat Islam termasuk kanak-kanak. Oleh itu, golongan kanak-kanak mesti didedahkan dengan bahan bacaan yang bermutu dan bermanfaat. Lambakan bahan bacaan kanak-kanak dalam pasaran menuntut penilaian terhadap kandungannya bagi memastikan mereka membaca karya yang baik.

Perkembangan Artikel

Diterima: 24 April 2021

Disemak: 30 Oktober 2021

Diterbit: 30 Januari 2022

Penulis Utama:

Mohd Shahrizal Nasir
Pusat Pengajian Bahasa Arab
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Sultan Zainal Abidin
(UniSZA)

E-mel:

mohdshahrizal@unisza.edu.my

Selain itu, kanak-kanak Muslim perlu diberikan bahan bacaan yang selari dengan ajaran Islam. Pada masa yang sama, semua unsur yang bertentangan dengan Islam perlu dielakkan daripada menjadi kandungan bacaan untuk kanak-kanak. Berdasarkan perkara tersebut, makalah ini akan menjelaskan keperluan penelitian terhadap konsep Sastera Kanak-Kanak Islami. Penelitian ini merujuk kepada usaha untuk menyerlahkan kepentingan konsep tersebut agar sastera untuk kanak-kanak Muslim dapat membantu mereka memahami Islam. Kajian ini dilakukan menggunakan pendekatan analisis kandungan melibatkan pandangan-pandangan yang diutarakan oleh para sarjana berkaitan dengan Sastera Kanak-Kanak Islami. Hasil daripada perbincangan dalam makalah ini menggariskan beberapa perkara yang perlu diusahakan untuk memperkasakan Sastera Kanak-Kanak Islami seperti memperbetulkan salah faham tentang konsep yang dibincangkan dan mempergiatkan wacana mengenainya di Malaysia. Selain itu, usaha meneliti kandungan karya untuk kanak-kanak perlu sentiasa dilakukan bagi memastikan ketepatannya dengan tasawur Islam. Keutamaan al-Sirah al-Nabawiyah sebagai bahan bacaan untuk kanak-kanak Muslim juga perlu diberi perhatian kerana kandungannya yang membawa pengajaran berguna untuk kehidupan manusia.

Kata Kunci: Sastera Islam, Sastera Kanak-Kanak Islami, Karya Sastera, Bahan Bacaan Kanak-Kanak, Kisah Para Nabi.

PENGENALAN

Aktiviti membaca merupakan satu aktiviti yang bermanfaat kerana perkaitannya dengan ilmu. Ungkapan seperti “membaca jambatan ilmu” sering kali kedengaran bagi memperlihatkan kepentingan membaca bagi memperoleh ilmu pengetahuan. Malah sejak peringkat awal persekolahan, kanak-kanak diajar untuk menguasai kemahiran membaca. Namun begitu, secara realitinya mempraktikkan aktiviti membaca tidak semudah mengungkap perkataan tersebut berserta seribu satu faedahnya. Ditambah dengan suasana masa kini dengan rata-rata masyarakat lebih memilih untuk mendekati gajet telekomunikasi masing-masing sehingga hal ini tidak dinafikan menjadi punca ramai orang tidak memilih untuk menjadikan membaca sebagai tabiat harian.

Berdasarkan laporan akhbar Bernama Online (21 April 2017), kadar literasi rakyat negara ini masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan jumlah penduduk Malaysia iaitu kira-kira 31.7 juta orang. Data dari Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) pula menunjukkan bahawa kadar literasi penduduk Malaysia berada pada tahap 55% dengan purata setiap rakyat hanya membaca 15 hingga 20 buku setahun. Data ini menunjukkan bahawa meskipun semua orang mengetahui tentang kepentingan membaca, namun usaha untuk membaca buku dalam kalangan rakyat Malaysia berada pada tahap yang kurang memberangsangkan.

Justeru, usaha-usaha untuk memperkasakan tabiat membaca dalam kalangan rakyat Malaysia perlu disemarakkan. Hanya dengan usaha yang konsisten menggalakkan rakyat Malaysia agar banyak membaca dan menjadikannya sebagai satu amalan hidup, akan dapat membentuk masyarakat ilmu bertaraf. Oleh itu, usaha pihak Kementerian Pendidikan sepertimana yang dinyatakan dalam Berita Harian Online (13 Disember 2018) yang berhasrat menjadikan tempoh masa sepuluh tahun iaitu dari 2021 sehingga 2030 sebagai Dekad Membaca Kebangsaan merupakan satu usaha murni yang perlu diberi sokongan.

Usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang 2030 tidak boleh ditumpukan hanya sekadar memupuk budaya membaca. Persoalan yang lebih besar lagi ialah merujuk kepada kandungan buku-buku yang menjadi bahan bacaan. Lambakan buku bagi

menampung usaha menyemarakkan budaya membaca tidak boleh dibiarkan tanpa kawalan, apatah lagi apabila melibatkan golongan kanak-kanak sebagai pembaca. Isu melibatkan kandungan bahan bacaan berunsur pornografi sepertimana yang dilaporkan dalam Harian Metro Online (29 Ogos 2007) apabila seorang bapa mendapati buku pornografi yang disangka novel sastera berada dalam beg sekolah anaknya sangat membimbangkan.

Selain itu, isu-isu seperti penggunaan bahasa rojak, pemaparan budaya negatif, unsur khayalan dan khurafat dan lain-lain turut merupakan cabaran besar dalam usaha membugar budaya membaca khususnya dalam kalangan kanak-kanak. Bahan-bahan bacaan yang dilabel dengan label “islamik” juga tidak terlepas daripada perkara-perkara yang mengundang keperluan untuk dilakukan penelitian lanjut agar kanak-kanak mendapat manfaat daripada pembacaan mereka dan bukan sebaliknya. Kisah tidak benar atau disebut *isra'iliyyat* tidak terlepas daripada menjadi kandungan dalam bahan-bahan bacaan berunsur Islam, bukan sahaja melibatkan bahan bacaan golongan dewasa tetapi juga kanak-kanak.

Semua cabaran ini perlu ditangani segera agar golongan kanak-kanak yang merupakan kelompok masyarakat terpenting dan sering dikaitkan dengan aktiviti membaca dapat diselamatkan daripada perkara-perkara yang buruk. Justeru, keadaan ini mengundang keperluan untuk dilakukan penelitian semula terhadap konsep “Sastera Kanak-Kanak Islami”. Konsep ini sebenarnya bukanlah satu perkara baharu, sebaliknya ia telah lama dibincangkan dan kini tiba masanya untuk diketengahkan semula sebagai usaha untuk mendepani cabaran masa kini melibatkan aktiviti membaca bagi golongan kanak-kanak Muslim.

KEMUNCULAN SASTERA ISLAM

Wacana berkenaan Sastera Islam telah berlangsung sekitar penghujung tahun 1970-an dan awal 1980-an secara meluas bukan sahaja di Malaysia malah di peringkat global terutama dalam dunia Kesusasteraan Arab. Ini membuktikan perbincangan mengenai Sastera Islam pernah menjadi isu global yang dibincangkan oleh para sarjana dalam bidang kesusasteraan. Disebabkan istilah “Sastera Islam” secara jelas mengaitkan sastera dengan Islam, maka ketetapan Islam sebagai satu agama yang turut menangani aspek kesusasteraan perlu dijelaskan terlebih dahulu. Islam merupakan agama yang sesuai dengan kehidupan manusia. Hakikatnya, manusia tidak dapat dipisahkan daripada perkara-perkara melibatkan kesenian. Sastera termasuk dalam salah satu cabang kesenian.

Kitab suci al-Quran yang merupakan panduan utama bagi umat Islam telah diturunkan dalam suasana masyarakat Arab Jahiliah pada ketika itu hebat dengan dunia seni puisi. Malah penurunan al-Quran telah memberi tamparan yang hebat kepada Kesusasteraan Arab Jahiliah (Nurazmi, 1991). Sebenarnya al-Quran membawa hikmah dan rahmat yang sangat besar kepada masyarakat Arab khususnya golongan penyair Arab. Ini kerana dengan penurunan al-Quran, satu bahasa Arab yang standard dapat diguna pakai secara formal dan meluas. Selain itu, al-Quran juga merakamkan perkataan-perkataan yang diungkapkan dengan sangat indah daripada segi lafaz dan maknanya. Hal ini merupakan fenomena yang amat menakjubkan masyarakat Arab pada ketika itu kerana mereka sememangnya terlalu asyik dengan dunia kepenyairan menerusi ungkapan-ungkapan pemuisi mereka yang hebat. Begitulah terserlahnya kehebatan al-Quran yang masih kekal sehingga ke hari ini sebagai salah satu mukjizat nabi Muhammad s.a.w.

Dari sudut yang lain pula, kedatangan Islam secara tidak langsung memperjuangkan kedudukan pemuisi Arab. Al-Quran menjelaskan ciri-ciri mulia dan terpuji yang mesti ada dalam diri pemuisi selaras dengan tuntutan Islam. Ini turut membuktikan bahawa Islam menerima golongan pemuisi dan kesusasteraan secara amnya kerana wujud kelompok pemuisi yang memiliki ciri-ciri yang menepati kehendak Islam. Malah ketetapan yang digariskan oleh Islam terhadap golongan pemuisi Arab pada ketika itu dapat mengelakkan mereka daripada menghasilkan karya yang melampaui batasan ditetapkan oleh Islam. Perkara ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t dalam al-Quran yang bermaksud:

Terjemahan: “Dan para pemuisi itu diikuti oleh golongan yang sesat. Tidakkah kamu melihat bahawasanya mereka mengembara di tiap-tiap lembah. Dan bahawasanya mereka suka mengatakan apa yang mereka sendiri tidak mengerjakannya. Kecuali golongan (pemuisi) yang beriman dan beramal soleh dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan sesudah menderita kezaliman, dan orang yang zalim itu kelak akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali.”
(Surah al-Shu'ara', 26: 224-227)

Ayat al-Quran tersebut menjelaskan bahawa Islam menerima kesenian selagi ia tidak melanggar batas-batas yang telah ditetapkan. Islam juga mengiktiraf kewujudan pemuisi (karyawan) yang mempunyai sumbangan dan peranannya yang tersendiri dalam kehidupan manusia. Walau bagaimanapun, pelanggaran batas-batas yang dijelaskan dalam ayat-ayat daripada surah *al-Shu'ara'* tersebut perlu dijauhi merangkumi perkara-perkara buruk dan negatif yang secara mudahnya dapat dicontohkan seperti penghinaan, caci-mencaci, membangga diri secara melampau, penipuan, khayalan yang melampau, penceritaan benda terlarang seperti arak, ketaksuban dan sebagainya. Pengharaman semua perkara buruk tersebut telah dijelaskan secara terperinci dalam al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w.

Kemunculan Sastera Islam sebenarnya telah bermula sejak penurunan wahyu pertama kepada Rasulullah s.a.w. Masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam terkenal dengan kehebatan mereka dalam kesusasteraan sama ada melibatkan seni puisi mahupun prosa. Menurut Shawqi (2007) penggunaan perkataan al-adab yang sekarang ini difahami dengan makna “sastera” telah diguna dan difahami dalam kalangan pemuisi Arab zaman Jahiliah. Justeru, masyarakat Arab zaman tersebut sememangnya dikenali sebagai kelompok masyarakat yang memiliki kesenian tersendiri. Walau bagaimanapun, penurunan al-Quran kepada Rasulullah s.a.w. dilihat sebagai satu bentuk cabaran kepada masyarakat Arab. Meskipun mereka amat hebat dalam seni puisi, namun ia tidak akan sama sekali dapat menandingi kehebatan al-Quran yang diturunkan oleh Allah s.w.t. Kekufuran masyarakat Arab pada ketika al-Quran diturunkan membuatkan mereka tidak dapat lari daripada hakikat bahawa “kehebatan” mereka tidak dapat menandingi kehebatan Allah s.w.t. Mereka perlu akur bahawa kehadiran Islam membuktikan “kehebatan” mereka amat terbatas.

Allah s.w.t. membuat pelbagai cabaran kepada masyarakat Arab yang kufur agar dapat menghasilkan “karya” bagi menandingi kehebatan al-Quran. Allah s.w.t. mencabar mereka menghasilkan karya yang dapat menandingi sebuah al-Quran, atau mencipta sepuluh surah sepertimana yang terdapat dalam al-Quran, atau mencipta satu surah sahaja yang dapat menandingi surah dalam al-Quran. Walau bagaimanapun, mereka tidak dapat menyahut satu pun daripada cabaran tersebut meskipun sekian lama telah diiktiraf sebagai golongan yang hebat dalam seni puisi. Berikut adalah terjemahan firman Allah s.w.t. tentang cabaran tersebut:

Terjemahan: “Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri.”

(Surah al-Isra', 17: 88)

Terjemahan: “Bukan itu sahaja kata-kata mereka bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: Dia (Muhammad) yang mereka-reka al-Quran itu! Katakanlah (wahai Muhammad): (Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah siapa sahaja yang kamu sanggup memanggilnya, yang lain daripada Allah, jika betul kamu orang yang benar.”

(Surah Hud, 11: 13)

Terjemahan: “Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain daripada Allah, jika betul kamu orang yang benar. Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu daripada api neraka yang bahan-bahan bakarannya; manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang kafir.”

(Surah al-Baqarah, 2: 23-24)

Kehadiran Islam dilihat sebagai titik awal perubahan kehidupan masyarakat Arab yang sebelumnya hidup pada zaman Jahiliah. Meskipun terdapat dalam kalangan mereka yang tidak menerima Islam, tetapi hakikatnya kedatangan Islam telah mengubah tatacara kehidupan manusia seluruhnya termasuk melibatkan aktiviti kesusasteraan yang melatari kehidupan mereka. Perkara ini dapat dilihat apabila terdapat perubahan dalam Kesusasteraan Arab pada ketika itu. Dalam keadaan Islam menerima pengungkapan seni puisi, beberapa tema-tema dalam seni puisi Arab seperti pengisahan wanita secara keterlaluan, penghinaan dan kejian sesama insan, pemerihalan arak dan beberapa tema yang menjadi tradisi turun-temurun pemuisi Arab digugurkan kerana kandungannya bersalahan dengan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Islam (al-Tatawi, 1989).

Pada masa yang sama, menurut al-Tatawi (1989) beberapa tema baharu muncul kesan daripada penerimaan ajaran Islam seperti nasihat, zuhud, hikmah, jihad dan sebagainya. Pemilihan perkataan yang berunsur Islam yang terdapat dalam al-Quran seperti *al-rasul*, *al-wahy*, *al-jannah*, *al-iman*, *al-qiyamah* dan seumpamanya juga dilihat menjadi keutamaan para pemuisi yang menerima Islam sebagai agama (al-Tatawi, 1989; al-Shanti, 2005). Selain itu, muncul pula kelompok pemuisi yang digelar *sha'ir al-Rasul* (pemuisi Rasul) yang mengungkapkan puisi memuji Rasulullah s.a.w. dan Islam atau mempertahankan kedua-duanya daripada celaan para pemuisi Jahiliah. Menurut Osman (1999) nama-nama pemuisi seperti Hassan bin Thabit, Ka'b bin Malik dan 'Abdullah bin Rawahah adalah antara golongan pemuisi Arab yang menggunakan puisi untuk mempertahankan Islam. Hal ini turut dinyatakan oleh Shawqi (t.th.) yang menjelaskan peranan tiga orang pemuisi tersebut dalam membantu Islam menggunakan puisi mereka. Semua ini merupakan bukti jelas berlakunya perubahan dalam Kesusasteraan Arab yang mengaitkannya dengan Islam.

Kemunculan Islam telah merubah dunia Kesusasteraan Arab menerusi penerimaan banyak perubahan positif sejajar dengan ajaran Islam. Hal ini berlangsung terus sejak zaman Rasulullah s.a.w. sehingga zaman Kesusasteraan Arab Moden. Walau bagaimanapun, dalam Kesusasteraan Arab Moden, wujud usaha-usaha yang ingin memisahkan sastera dengan Islam. Pandangan-pandangan yang mengutarakan perkara ini bukan sahaja datang daripada golongan bukan Islam sahaja, namun ada juga dalam kalangan orang Islam yang dilihat tidak bersetuju dengan perkaitan langsung sastera dengan Islam. Taha Hussayn (1991) melihat bahawa sastera atau al-adab pada kurun ke-2, ke-3 dan ke-4 hijrah hanya merujuk kepada puisi dan prosa serta yang berkaitan dengan kedua-duanya sahaja. Inilah antara bentuk pemikiran yang berusaha mengasingkan sastera daripada agama yang dipengaruhi oleh pemikiran orientalis Barat. Taha Hussayn juga pernah menerima kritikan hebat daripada ulama Universiti al-Azhar sehingga menyebabkan bukunya berjudul “*Fi al-shi'r al-Jahili*” yang diterbitkan pada tahun 1924 terpaksa ditarik semula penerbitannya oleh kerajaan Mesir pada ketika itu (Osman, 1977). Pandangan Taha Hussayn mengatakan bahawa berlaku penipuan terhadap penisahan puisi Arab zaman Jahiliah kepada masyarakat pada ketika itu. Menurut beliau puisi-puisi yang dikaitkan dengan zaman Jahiliah sebenarnya dihasilkan oleh para pemuisi selepas berakhirnya zaman tersebut. Perkara ini pastinya menimbulkan implikasi besar kerana kehebatan puisi zaman Jahiliah dikaitkan dengan penurunan al-Quran yang menempelak kehebatan pemuisi pada zaman tersebut.

Pendapat Taha Hussayn boleh dikira sebagai penguat kepada pandangan sesetengah pihak

yang menyatakan bahawa karya sastera apabila dikaitkan dengan agama akan bersifat jumud kerana keterikatannya dengan ketetapan agama. Hakikatnya, pendapat seperti ini bertujuan membuka kebebasan yang sepenuhnya kepada para karyawan untuk menghasilkan karya sastera menurut nafsu sendiri tanpa sebarang kawalan. Keadaan inilah akhirnya menyuburkan penghasilan karya sastera yang menjurus kepada keseronokan serta kosong daripada inti pati yang bermanfaat untuk masyarakat. Malah, terdapat segelintir karyawan yang menggunakan karya sastera mereka untuk menyebarkan ideologi bertentangan dengan Islam serta tidak kurang yang menggunakan kata-kata kesat dan lujah dalam karya mereka. Selain itu, peranan sastera atau al-adab sebagai satu wadah penting dalam penyebaran dakwah Islam dan ilmu pengetahuan juga telah cuba dinafikan. Sastera hanya difokuskan kepada karya sastera semata-mata tanpa mengakui bahawa ia sebenarnya turut mengandungi ilmu yang bermanfaat lebih-lebih lagi jika dikaitkan dengan Islam.

Jika fenomena buruk yang melanda Kesusasteraan Arab tersebut dibiarkan berleluasa, maka seni sastera boleh membawa masyarakat Islam ke arah kefasikan dan kemungkaran. Keadaan ini perlu ditangani segera dengan penerapan elemen-elemen berkaitan ajaran Islam khususnya dalam karya yang dihasilkan oleh karyawan Muslim. Kemasukan unsur agama dalam seni sastera sebenarnya tidak sedikit pun menghilangkan kekuatan ataupun merosakkan keindahan sesebuah karya sastera. Malah sebenarnya dengan adanya pengaruh Islam dalam sastera, pelbagai cabang ilmu dapat dikaitkan dengan kesusasteraan sepertimana yang berlaku pada zaman awal Islam (Nasr al-Din, 1998).

Bertitik-tolak daripada isu-isu yang cuba menjauhkan sastera daripada Islam, maka wujud usaha-usaha daripada kalangan sarjana Muslim bidang kesusasteraan untuk mengaitkan semula sastera dengan Islam. Antara tokoh-tokoh yang mewacanakan sastera menurut kaca mata Islam seperti Abu al-Hasan ‘Ali al-Nadwi (al-Nadwi), Sayyid Qutb, Muhammad Qutb, Imad al-Din al-Khalil, Najib al-Kilani, ‘Abd al-Rahman Ra’fat Basha, Muhammad Hasan Burayghish dan beberapa orang lagi (Bin ‘Isa, 1998; Rahmah, 2006; Rahmah & Mohd Shahrizal, 2011). Menurut al-Tahir (1989) kebangkitan pergerakan Islam era moden dilihat turut mempunyai perkaitan dalam menggerakkan usaha mewujudkan arus sastera berlandaskan prinsip-prinsip Islam. Rosni (2015) pula menyatakan Sayyid Qutb merupakan sarjana Islam yang membuka jalan ke arah kemunculan Sastera Islam era moden. Manakala dari sudut praktikal, kemunculan perbincangan hangat dalam kalangan sarjana Islam tentang Sastera Islam menjadi antara faktor tertubuhnya *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyyah* (Liga Sastera Islam Sedunia) (Mohd Shahrizal & Kamarul Shukri, 2020).

Pelantikan al-Nadwi sebagai pengerusi pertama *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyyah* merupakan satu penghormatan besar kepada beliau yang telah berusaha mencetuskan gagasan Sastera Islam ketika persidangan pertama mengenainya diadakan di Nadwatul ‘Ulama sekitar tahun 1981 (‘Abd al-Basit, 1421H). Rentetan daripada inisiatif penganjuran persidangan tersebut oleh al-Nadwi, beberapa siri persidangan telah diadakan bagi membuat perbincangan lanjut mengenai gagasan Sastera Islam dan penubuhan *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyyah*. Akhirnya pada Januari 1986, secara rasmi al-Nadwi dilantik sebagai pengerusi pertama sekali gus sebagai pengerusi pengasas kepada *Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyyah* (Mohammad Akram, 2013). Usaha bersejarah inilah yang mengikut Sa’d Abu al-Rida (1983) membuktikan bahawa al-Nadwi adalah tokoh yang menghidupkan perjuangan Sastera Islam bukan sahaja secara teori malah dizahirkan dengan pelbagai inisiatif berbentuk praktis.

Fenomena yang berlaku di negara-negara Islam khususnya Timur Tengah tentang Sastera Islam turut memberi kesan terhadap dunia Kesusasteraan Melayu. Jika disoroti sejarah perkembangan Sastera Islam di Malaysia, istilah “Sastera Islam” telah mula muncul apabila agama Islam masuk ke Tanah Melayu (Nurazmi, 1991). Kedatangan Islam ke Tanah Melayu bersama karya-karya Islam sebagai rujukan agama telah menyebabkan bahan bacaan tersebut diterima dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu (Liaw, 1975). Penerimaan masyarakat Melayu terhadap Islam menyebabkan berlakunya beberapa perubahan dalam adat, kepercayaan dan kesusasteraan Melayu. Perubahan ini selaras dengan tuntutan Islam yang menolak unsur-unsur syirik iaitu yang

bercanggah dengan kepercayaan kepada Allah s.w.t. Maka dengan perubahan yang melibatkan dunia Kesusasteraan Melayu dan Islam, maka telah berlaku penjenamaan baharu terhadap Kesusasteraan Melayu. Penjenamaan semula dari segi nama ini seperti Sastera Peralihan Hindu-Islam, Sastera Melayu Pengaruh Islam, Sastera Melayu Berunsur Islam, dan juga satu istilah khas iaitu Sastera Islam (Nurazmi, 1991).

Sepertimana yang berlaku dalam Kesusasteraan Arab Moden dengan fenomena wacana Sastera Islam, hal yang sama turut terjadi dalam Kesusasteraan Melayu Moden. Fenomena Sastera Islam mula kelihatan secara jelas sekitar tahun 1970-an yang mempunyai kaitan rapat dengan gerakan “dakwah” di Malaysia (Ungku Maimunah, 1989). Menurut Nurazmi (1991) pula, Prof. Naguib al-Attas adalah sarjana yang mula-mula mencetuskan perbincangan tentang Sastera Islam apabila mengatakan bahawa ciri-ciri moden dalam Kesusasteraan Melayu dimulakan oleh Islam. Kenyataan ini yang diutarakan semasa syarahan pengukuhan jawatan sebagai profesor di Auditorium Universiti Kebangsaan Malaysia pada 24 Januari 1972, menjelaskan pengaruh Islam dalam Kesusasteraan Melayu Moden.

Sastera Islam sebenarnya telah mengundang polemik yang besar dalam kalangan sarjana Kesusasteraan Melayu. Masing-masing berusaha memberi takrifan Sastera Islam berdasarkan pengamatan dan hujahan tersendiri. Pada peringkat awal, percanggahan pendapat mengenai Sastera Islam ini telah dibicarakan oleh beberapa orang sarjana seperti Mohd. Kamal Hassan, Shahnnon Ahmad, Kassim Ahmad, Rahman Shaari, Ismail Ibrahim, Ismail Hamid, Muhammad Uthman El Muhammady, Shafie Abu Bakar, Yusof Zaky Yaakob, Hashim Musa, Nahmar Jamil, S. Othman Kelantan, Mohd. Affandi Hassan, Ali Haji Ahmad, Mana Sikana, Mustafa Haji Daud, Muhammad Bukhari Lubis dan beberapa lagi (Nurazmi, 1991; Rahmah, 2006; Sahlan, 2004; Rosni, 2013).

Berdasarkan sorotan ringkas fenomena Sastera Islam di Timur Tengah dan Malaysia, maka dapat diperhatikan bahawa isu berkaitan Sastera Islam pernah menjadi perdebatan hangat di peringkat global. Sebenarnya selain daripada menyoroti sejarah kemunculan perbahasan mengenai Sastera Islam, perlu difahami juga tentang inti pati yang diwacanakan oleh para sarjana tentang Sastera Islam. Namun secara umumnya, dapat difahami bahawa usaha para sarjana yang mengaitkan sastera dengan Islam adalah untuk menjaga kemaslahatan umat Islam agar tidak mengetepikan ajaran Islam sama ada ketika menghasilkan karya sastera mahupun ketika membaca karya sastera. Dengan kata lain, prinsip-prinsip asas berkaitan Islam tidak boleh dipisahkan daripada aktiviti berkaitan kesusasteraan.

HUBUNG KAIT SASTERA ISLAM DAN SASTERA KANAK-KANAK ISLAMI

Rentetan daripada perbincangan meluas mengenai Sastera Islam, maka muncul pelbagai pandangan daripada para sarjana Islam tentang istilah tersebut. Semua pandangan yang diutarakan tentang Sastera Islam rata-rata berlegar tentang elemen-elemen yang selayaknya mewakili Islam dalam pemahaman terhadap sastera. Disebabkan Islam ialah satu sistem lengkap yang mencakupi kesemua aspek kehidupan manusia, maka berlaku perbahasan dalam kalangan sarjana tentang perkara yang sepatutnya dimasukkan dalam takrifan Sastera Islam. Hal inilah yang menyebabkan para sarjana berusaha mengutarakan pandangan masing-masing agar dapat menemukan pemahaman yang bersifat komprehensif.

Dalam dunia Kesusasteraan Arab, al-Nadwi dilihat antara yang terawal berusaha mengembalikan wacana sastera dan perkaitannya dengan Islam. Peranan al-Nadwi dilihat amat menyerlah sepertimana yang dinyatakan oleh ‘Abd al-Quddus (1421: 158) bahawa al-Nadwi adalah individu pertama yang menyeru para sarjana membahaskan gagasan Sastera Islam. Hal ini dibuktikan apabila al-Nadwi (1957) telah menerbitkan sebuah makalah bertajuk “*al-Hajah ila Isti’rad Jadid li Maktabat al-Adab al-‘Arabi*”. Makalah ini telah diterbitkan dalam *Majallah Majma’ al-Lughah al-‘Arabiyyah bi Dimashq*, edisi ke-32, jilid keempat, terbitan tahun 1957. Saranan al-Nadwi berkenaan keperluan untuk memperkenalkan Sastera Islam dan gesaan untuk memberi perhatian terhadap idea tersebut dinyatakan dalam makalahnya. Dari sudut kupasan yang

membawa kepada pentakrifan Sastera Islam pula, pandangan Sayyid Qutb dilihat telah dijadikan antara asas dalam perbahasan dalam kalangan sarjana. Sayyid Qutb (1962) antara lain menyatakan bahawa sastera yang dikaitkan dengan Islam merujuk kepada ungkapan yang lahir daripada diri seseorang yang memiliki roh keislaman. Penjelasan ini secara jelas menggambarkan bahawa karya sastera yang dikategorikan sebagai Sastera Islam terhasil daripada diri karyawan yang memahami serta meyakini ajaran Islam.

Manakala Muhammad Qutb (1983) ketika menjelaskan tentang kesenian Islam menekankan perkaitan kesenian dengan alam, kehidupan, dan manusia yang kesemuanya perlu berpaksikan tasawur Islam. Perkaitan sastera dengan tasawur Islam ini juga dipersetujui oleh Imad al-Din Khalil (1987) yang menjelaskan bahawa sememangnya agama Islam perlu dijadikan asas dalam segenap hal termasuk berkaitan kesusasteraan dan hal ini bertepatan dengan tujuan penciptaan manusia di dunia. Al-Kilani (1992) pula menyatakan bahawa Sastera Islam lahir daripada keimanan yang ada dalam diri karyawan dan keimanan tersebut diterjemahkan dalam karya sastera yang indah. Sepertimana yang dinyatakan oleh Muhammad Qutb (1983), al-Kilani turut menyatakan bahawa karya sastera Islam mesti berkaitan dengan alam, kehidupan, dan manusia.

Menurut pandangan sarjana Mohd Kamal Hassan (1980) pula, kemunculan Sastera Islam antara lain bertujuan menolak ideologi-ideologi Barat yang merosakkan pemikiran umat Islam. Kemunculan pelbagai ideologi Barat yang masuk dalam pemikiran segelintir manusia termasuk dalam kalangan karyawan boleh menyebabkan terjejasnya fungsi sastera sebagai wadah penyebaran ilmu dan manfaat untuk manusia. Maka para karyawan perlu menjauhkan diri daripada sebarang bentuk ideologi yang bertentangan dengan Islam kerana ia boleh menyebabkan unsur-unsur negatif dalam ideologi tersebut menyelinap masuk dalam karya sastera. Sekiranya wujud elemen kebaikan secara umum dalam ideologi tersebut maka ia seharusnya didasari oleh ketauhidan yang menjadi asas paling penting dalam Islam. Kutipan asal penjelasan Mohd Kamal Hassan (1980: 3) seperti berikut:

“Sebarang *commitment* sasterawan kepada ideologi dan falsafah hidup yang lain dari Islam seperti humanisme, (sekular, kristian atau sosialis), materialisme, sosialisme, eksistensialisme, nihilisme, atau saintisme dengan sendirinya tidak melayakkan karya sastera itu digolongkan sebagai sastera yang setia kepada nilai-nilai Islam. Kalau aliran humanisme mahu dimasukkan juga dalam golongan sastera itu maka terlebih dahulu ia harus menjadi humanisme ketauhidan.”

Pandangan Mohd Kamal Hassan tersebut menjadi antara sandaran para sarjana kemudiannya yang membahaskan idea Sastera Islam. Sahahnon Ahmad misalnya telah memanfaatkan pandangan tersebut bagi menguatkan hujahnya ketika berdepan dengan pertembungan pandangannya dengan Kassim Ahmad. Di sudut lain, Shahnon Ahmad (1983) membawa tafsirannya yang tersendiri tentang Sastera Islam dengan menyatakan bahawa sastera yang dihasilkan kerana Allah s.w.t. berhikmah untuk manusia, sastera perlu berlandaskan akhlak yang ditetapkan oleh Allah s.w.t., selain karya sastera perlu jelas dan difahami sebagai ibadah. Pandangan Shahnon ini telah diulas oleh Kassim Ahmad yang dilihat mengakui bahawa penjelasan Shahnon yang mengaitkan sastera dengan Allah s.w.t. adalah lebih tinggi daripada pendiriannya menerusi konsep “Sastera untuk Seni dan Seni untuk Masyarakat” yang diketengahkannya. Menurut Kassim Ahmad (1983), seni Sastera Islam merujuk kepada sastera yang dicipta oleh manusia dengan menggunakan bahasa dan mengandungi keindahan, kebenaran dan kebaikan mengikut estetika Islam. Rahman Shaari (1983) pula ketika mencelah dalam perdebatan antara Shahnon Ahmad dan Kassim Ahmad menyebut bahawa sastera yang dikaitkan dengan Islam ialah sastera yang mengambil atau memilih Islam sebagai jalan penyelesaian terhadap segala persoalan.

Sepertimana yang disimpulkan oleh Hazami (2004), pandangan-pandangan lain yang melatari diskusi tentang Sastera Islam semuanya mempunyai kebernasan dan kerasionalan masing-masing. Hazami (2004) merumuskan pandangan Yusof Zaky Yaakob yang mengatakan bahawa

Sastera Islam perlu mengandungi unsur dakwah, manakala Ismail Ibrahim menekankan elemen tauhid dalam karya Sastera Islam, selain Uthman El Muhammady yang melabel Sastera Islam sebagai seni suci. Kesimpulannya dapat dilihat bahawa perbahasan yang berlaku dalam kalangan sarjana kesusasteraan di Malaysia berlegar tentang ciri-ciri yang melatari takrifan Sastera Islam dan hal yang sama juga berlaku dalam dunia Kesusasteraan Arab. Perkara ini bukanlah sesuatu yang bersifat janggal kerana sememangnya setiap istilah baharu akan melalui perbahasan dari sudut pentakrifan agar perbincangan atau kupasan selanjutnya dapat dilakukan dengan lebih jelas.

Meskipun bahagian ini tidak mengupas semua pandangan sarjana sama ada daripada dunia Kesusasteraan Arab mahupun Kesusasteraan Melayu tentang Sastera Islam, namun pemilihan terhadap pandangan-pandangan awal mengenai Sastera Islam dapat menyerlahkan titik pertemuan semua pandangan tersebut iaitu ajaran Islam yang berasaskan al-Quran dan sunnah Rasulullah s.a.w. Perkataan-perkataan seperti tauhid, ibadah, dakwah, tasawur Islam menjadi perkataan yang dominan dalam takrifan-takrifan yang dikemukakan oleh para sarjana Islam. Tidak ada satu takrifan pun yang mengaitkan sastera dengan Islam dengan takrifan tersebut tersasar daripada ruang lingkup perbahasan berkenaan Islam. Oleh itu, dengan jelas dapat difahami Sastera Islam sememangnya tidak boleh dibawa lari daripada kerangka ajaran Islam yang terdiri daripada tiga asas utama iaitu akidah, ibadah dan akhlak.

Perkaitan tiga asas utama dalam Islam iaitu akidah, ibadah dan akhlak perlu diketengahkan agar segala tafsiran yang diberikan tentang Sastera Islam tidak dilihat bercanggah dengan ajaran Islam. Meskipun tidak terdapat satu takrifan pun yang mengaitkan sastera dengan tiga asas utama Islam tersebut, namun perkataan-perkataan seperti tauhid, ibadah, dakwah dan tasawur Islam sudah cukup untuk mewajarkan sastera dikaitkan dengan Islam. Sastera tidak boleh diasingkan daripada Islam memandangkan Islam merupakan agama yang bersifat komprehensif. Islam tidak pernah meminggirkan walau sekelumit aspek yang melatari kehidupan manusia. Allah s.w.t. telah menjelaskan bahawa sesiapa yang memilih dan menjadikan selain daripada Islam sebagai pegangannya, maka dia termasuk daripada kalangan orang yang rugi.

Terjemahan: “Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak daripada kalangan orang yang rugi.”

(Surah Ali 'Imran, 3: 85)


Perbincangan mengenai Sastera Islam telah pun berlalu dengan kehangatannya sekitar tahun 1970-an dan 19-80. Keterujaan ramai pihak dalam mewacanakan istilah Sastera Islam akhirnya menatijahkan penggunaan istilah tersebut sehingga ke hari ini meskipun tidaklah sehebat penggunaannya satu ketika dahulu. Meskipun menurut Adli (2007), masih belum ada teori ataupun konsep Sastera Islam yang konkrit dicetuskan oleh sarjana sama ada dalam Kesusasteraan Melayu mahupun kesusasteraan lain. Namun paling tidak, para sarjana yang telah membahaskan perihal Sastera Islam telah meletakkan satu langkah permulaan yang baik sehingga istilah Sastera Islam kedengaran sehingga ke hari ini.

Sepertimana cakupan sastera itu sangat luas, maka Sastera Islam turut berdepan dengan perkara yang sama. Dalam dunia Kesusasteraan Arab, istilah *Adab al-Atfal al-Islami* (Sastera Kanak-Kanak Islami) telah digunakan sehingga tidak meletakkannya sebagai satu istilah yang asing. Namun di Malaysia, penggunaan istilah Sastera Kanak-Kanak Islami tidak kedengaran meskipun ada usaha mengaitkan Sastera Kanak-Kanak dengan Islam. Perkara ini mungkin disebabkan faktor kurangnya pendedahan tentang sastera dan Islam pada masa kini.

Pada saat munculnya istilah-istilah yang digunakan bagi mengaitkan sesuatu bidang dengan Islam, bidang kesusasteraan dilihat tidak mengambil peluang meluaskan cakupan perbahasannya. Ekonomi Islam, undang-undang Islam, perbankan Islam, pendidikan Islam, dan psikologi Islam merupakan antara istilah-istilah yang digunakan secara meluas ketika ini. Bagi memastikan sastera kekal relevan pada masa hadapan, wacana mengenainya perlu dilakukan secara lebih agresif agar

dapat disedari kewujudannya oleh masyarakat.

Sastera Kanak-Kanak Islami bukanlah satu istilah yang jauh daripada istilah Sastera Islam. Hakikatnya, Sastera Kanak-Kanak Islami adalah sebahagian daripada cakupan perbahasan bagi Sastera Islam. Jika Sastera Kanak-Kanak secara umum adalah sebahagian daripada mauduk kesusasteraan, maka begitulah juga dengan Sastera Kanak-Kanak Islami yang merupakan sebahagian daripada cakupan Sastera Islam. Rajah 1.1 berikut menjelaskan perkaitan antara Sastera Kanak-Kanak Islami dengan Sastera Islam.



Rajah 1.1: Perkaitan antara Sastera Islam dengan Sastera Kanak-Kanak Islami

Rajah 1.1 menjelaskan hubungan antara Sastera Islam dengan Sastera Kanak-Kanak Islami yang perlu difahami bukan sahaja oleh golongan Muslim daripada kalangan karyawan sahaja tetapi juga para ibu bapa dan guru yang terlibat dalam proses pendidikan kanak-kanak. Sepertimana yang dinyatakan oleh Sayyid Qutb (1983) bahawa seluruh kehidupan manusia mesti berfungsi berasaskan agama Islam yang mengandungi sistem hidup yang sesuai dengan fitrah kemanusiaan dan bertepatan dengan ketetapan Allah s.w.t. Justeru, sebagaimana Sastera Islam berlegar dalam ruang lingkup ajaran Islam yang terdiri daripada akidah, ibadah dan akhlak, maka begitu jugalah yang mendasari Sastera Kanak-Kanak Islami. Al-Nadwi (1983) menjelaskan bahawa kesyumuluan Islam sebagai satu tatacara kehidupan diserlahkan menerusi akidah, ibadah dan suluk (istilah digunakan al-Nadwi bagi merujuk kepada akhlak). Dengan perkaitan “Islam” pada istilah Sastera Islam dan Sastera Kanak-Kanak Islami, maka semua perbahasan berkaitan kedua-duanya perlu berlegar dalam cakupan tiga asas utama tersebut.

PENTAKRIFAN SASTERA KANAK-KANAK ISLAMI

Sebelum perbincangan dilanjutkan secara spesifik berkenaan Sastera Kanak-Kanak Islami, bahagian ini akan menghuraikan pengistilahan “Sastera Kanak-Kanak Islami” yang setakat ini masih belum diguna pakai dalam perbincangan Sastera Kanak-Kanak di Malaysia. Jika dirujuk penggunaan dalam Kesusasteraan Arab, istilah *Adab al-Atfal al-Islami* (Sastera Kanak-Kanak Islami) bukanlah satu istilah yang asing. Hal ini membuktikan bahawa perkaitan antara Sastera Kanak-Kanak dengan Islam bukanlah sesuatu isu yang baru dibincangkan kebelakangan ini. Mungkin hal ini berkait rapat dengan kedudukan bahasa Arab yang dilihat sangat rapat dengan agama Islam. Kandungan al-Quran dan hadis yang merupakan sumber utama dalam Islam diungkap dengan menggunakan bahasa Arab. Oleh itu, tidak keterlaluan jika dinyatakan bahawa hubungan

antara perkara-perkara berlegar dalam kehidupan manusia lebih cepat dikaitkan dengan Islam melihat kepada penggunaan bahasa Arab dalam agama Islam.

Al-Nahwi (2006) menghuraikan keperluan Sastera Kanak-Kanak Islami dalam makalahnya berjudul “*Adab al-Atfal al-Islami wa al-Usturah*” (Sastera Kanak-Kanak Islami dan Kisah Dongeng). Beliau secara jelas menggunakan istilah *Adab al-Atfal al-Islami* (Sastera Kanak-Kanak Islami) dalam tulisannya bagi menyerlahkan keperluan kanak-kanak Muslim didedahkan dengan karya-karya yang berteraskan Islam serta menolak kisah-kisah dongeng yang didapati mempunyai perkaitan dengan kepercayaan syirik. Istilah yang sama iaitu *Adab al-Atfal al-Islami* digunakan oleh pengkaji lain seperti Muhammad ‘Abbas (2016) dan Muhammad Murtad (2019) yang mengupas keperluan istilah tersebut dijadikan satu konsep yang dapat memandu golongan ibu bapa dalam memilih bahan bacaan untuk anak-anak. Oleh itu, Sastera Kanak-Kanak khususnya untuk bacaan kanak-kanak Muslim perlu dijernihkan daripada kepercayaan-kepercayaan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Penonjolan watak-watak yang digambarkan sebagai wira sehingga boleh menjejaskan akidah kanak-kanak Muslim perlu disekat daripada menjadi bahan bacaan mereka.

Penularan unsur-unsur yang bertentangan dalam agama Islam tidak boleh dihentikan sekiranya tiada sebarang alternatif diketengahkan bagi menggantikan bahan-bahan bacaan yang boleh merosakkan akidah kanak-kanak Muslim. Lambakan karya untuk kanak-kanak yang bertentangan dengan akidah Islam perlu digantikan dengan karya-karya yang membawa mesej dan ajaran Islam. Oleh itu, penggunaan istilah Sastera Kanak-Kanak Islami yang mengaitkan Sastera Kanak-Kanak dengan Islam secara langsung mampu memberi isyarat yang jelas tentang keperluan memperkasakan Islam dalam penghasilan karya untuk golongan kanak-kanak.

Jika diperhatikan dalam konteks Kesusasteraan Melayu, istilah *Adab al-Atfal al-Islami* yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu sebagai Sastera Kanak-Kanak Islami hampir tidak kelihatan. Hal ini mungkin disebabkan tahap kesedaran ibu bapa dan guru dalam meneliti kandungan karya-karya untuk golongan kanak-kanak. Berita-berita yang tidak baik sepertimana dilaporkan dalam akhbar berkenaan bahan-bahan bacaan kanak-kanak mungkin datang secara berkala apabila sesuatu pendedahan dibuat oleh pihak yang menyedari berlakunya kemungkaran tersebut. Selanjutnya persoalan yang boleh diketengahkan berkaitan isu ini ialah sejauh mana penguatkuasaan dibuat oleh pihak berwajib bagi memastikan bahan-bahan bacaan untuk kanak-kanak memang tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Sikap sesetengah pihak yang tidak bersetuju apabila perkataan Islam dikaitkan dengan semua urusan juga menjadi antara punca istilah Sastera Kanak-Kanak Islami tidak dizahirkan secara meluas. Tambahan pula, hampir tiada usaha yang dijalankan untuk mewacanakan istilah Sastera Kanak-Kanak Islami sehingga menjadi satu konsep yang jelas. Tidak mungkin semua kandungan bahan-bahan bacaan untuk kanak-kanak terjamin kesahihannya sejajar dengan ajaran Islam. Tidak mungkin juga semua karyawan di negara ini yang menghasilkan karya untuk kanak-kanak memahami secara tuntas keperluan mengetengahkan bahan-bahan bacaan yang berteraskan Islam. Hatta penghasilan karya-karya yang dikaitkan dengan Islam seperti kisah para nabi dan rasul pun belum pasti kesemuanya berdasarkan sumber yang sahih dengan menepati batas-batas pengkaryaan yang ditetapkan dalam Islam.

Akhirnya tidak ada individu yang berani mengetengahkan istilah Sastera Kanak-Kanak Islami di negara ini. Selain itu, tidak dinafikan faktor pengistilahan Sastera Kanak-Kanak Islami itu sendiri masih “kabur” disebabkan kekangan daripada aspek bahasa. Hal ini kerana penggunaan perkataan “Islami” masih belum diiktiraf secara rasmi dalam Kamus Dewan. Berdasarkan carian dalam laman “Khidmat Bahasa” kelolaan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dinyatakan bahawa “Tidak ada perkataan “islami”, manakala perkataan “islamiyah” dieja dengan huruf kecil. Terjemahan “Islamic” dalam bahasa Melayu ialah Islam seperti *Islamic Law* - Undang-undang Islam” (Khidmat Nasihat DBP). Penjelasan ini mengundang penelitian lanjut berkenaan penggunaan istilah “islami” dalam bahasa Melayu. Perkataan yang berasal daripada bahasa Arab

ini masih belum diterima sebagai kata serapan dalam bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, wujud persoalan mengenai perkataan “islami” yang masih belum diterima sebagai bahasa Melayu sedangkan perkataan “islamiyah” diterima sebagai satu kata serapan. Penerimaan perkataan “islamiyah” sepertimana dinyatakan dalam Kamus Dewan Edisi Keempat merujuk kepada perkataan “dakwah” yang turut berasal daripada bahasa Arab. Perkataan “islamiyah” ditakrifkan sebagai perkataan yang berasal daripada bahasa Arab “yang berkaitan dengan atau berasaskan agama Islam, seperti kegiatan dakwah.” (Kamus Dewan Edisi Keempat-Dalam Talian). Ini bermaksud perkataan “islamiyah” boleh dikaitkan dengan perkataan “dakwah” dalam bahasa Melayu sebagai perkataan yang spesifik iaitu “dakwah islamiyah”. Perkara ini membuka ruang perbincangan dari sudut penerimaan perkataan bahasa Arab sebagai sebahagian daripada kata serapan dalam bahasa Melayu.

Sekiranya perkataan “dakwah islamiyah” boleh diterima sebagai perkataan dalam bahasa Melayu, maka hal ini juga mewajarkan perkataan “islami” juga diterima untuk dikaitkan dengan perkataan-perkataan yang bersesuaian dengannya. Dalam bahasa Arab, perkataan “islami” dan “islamiyah” yang dikaitkan dengan perkataan lain dikira sebagai kata sifat atau kata adjektif (al-Rajihi, 1988). Maka sekiranya sesuatu perkataan termasuk dalam kategori kata nama feminin (*mu'annath*), maka kata sifatnya juga perlu dipadankan dalam bentuk *mu'annath*. Sebab itu, perkataan “dakwah” sesuai dikaitkan dengan kata sifat “islamiyah”. Manakala sesuatu perkataan yang termasuk dalam kategori maskulin (*muzakkar*), maka kata sifatnya juga perlu disertakan dalam bentuk *muzakkar*, contohnya “manhaj islami”. Perkataan “manhaj” telah diterima sebagai sebahagian daripada kata serapan dalam bahasa Melayu.

Oleh itu, penggunaan istilah *Adab al-Atfal al-Islami* dalam bahasa Arab amat sesuai diterjemahkan sebagai Sastera Kanak-Kanak Islami. Malah penggunaan “Sastera Islam” (*al-Adab al-Islami*) yang masyhur dalam kalangan penggiat dan akademia sastera di Malaysia sebenarnya turut boleh diterjemahkan sebagai “Sastera Islami”. Jelaslah bahawa pengetahuan dalam bahasa Arab membolehkan penggunaan “Sastera Islami” diguna pakai meskipun istilah “Sastera Islam” lebih banyak digunakan. Sebagai contoh, Profesor Emeritus Dr. Muhammad Bukhari Lubis (2017) menggunakan istilah “Kesusasteraan Islami” sebagai tajuk Syarahan Perdana Pelantikan Profesor Universiti Pendidikan Sultan Idris iaitu “Kesusasteraan Islami Bandingan: Menyingkap Tabir Mengungkap Fikir”. Malah beliau turut menggunakan istilah “Sastera Islami” dalam penulisan-penulisannya berkaitan mauduk sastera yang dikaitkan dengan Islam. Sebelum itu, Rahmah (2006) juga dilihat telah menggunakan istilah “Sastera Islami” dalam makalahnya berjudul “Islamic Literature and Sastera Islami: A Conceptual Comparison”.

Berbalik kepada istilah Sastera Kanak-Kanak Islami, penggunaan perkataan “Islami” dilihat sebagai perkara yang “mendesak”. Hal ini kerana sekiranya perkataan “Islam” digunakan iaitu “Sastera Kanak-Kanak Islam”, maka ia mengundang konotasi makna yang boleh mengelirukan orang awam. Meskipun ada betulnya, perbincangan sastera dalam konteks ini dikhususkan untuk kanak-kanak beragama Islam, namun ia tidaklah bermakna karya-karya yang dihasilkan berteraskan konsep ini tidak boleh dibaca oleh golongan kanak-kanak lain. Oleh sebab itu, perkataan “Islami” lebih sesuai digunakan bagi menggambarkan bahawa “sastera” dalam konteks ini dikaitkan dengan Islam. Dengan kata lain, perbincangan mengenai konsep Sastera Kanak-Kanak Islami mencakupi perihal sastera yang menepati manhaj Islam sepertimana yang dijelaskan dalam al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w.

Istilah Sastera Kanak-Kanak Islami tidak patut ditakuti khususnya oleh orang Islam. Sememangnya Islam telah menerapkan garis panduan umum berkaitan kesenian dan kesusasteraan. Oleh itu, penggunaan istilah Sastera Kanak-Kanak Islami sebagai satu konsep yang jelas perlu diperkasakan menerusi penganjuran dan penerbitan wacana ilmiah agar bukan sahaja karyawan Muslim perlu terlibat secara aktif dalam merealisasikan tuntutan konsep Sastera Kanak-Kanak Islami dalam aktiviti pengkaryaan, malah para ibu bapa dan guru boleh mendapat panduan yang jelas dalam pemilihan bahan karya sastera yang berteraskan Islam.

DIMENSI SASTERA KANAK-KANAK ISLAMI

Perbincangan mengenai Sastera Kanak-Kanak Islami tidak hanya tertumpu kepada persoalan pengistilahannya. Lebih daripada itu, ia perlu diperincikan agar dapat menjadi satu konsep yang boleh diguna pakai dalam hal berkaitan Sastera Kanak-Kanak yang dikaitkan dengan Islam. Inilah yang dimaksudkan dengan tajuk makalah ini yang bertujuan untuk meneliti semula konsep Sastera Kanak-Kanak Islami. Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini, istilah Sastera Kanak-Kanak Islami tidak pernah digunakan dalam perbincangan Sastera Kanak-Kanak. Walau bagaimanapun, ini tidaklah bermakna bahawa tiada sebarang usaha mengaitkan Sastera Kanak-Kanak dengan Islam. Rata-rata perbincangan hanya berlegar tentang analisis kandungan Sastera Kanak-Kanak yang mengandungi mesej atau tasawur Islam. Oleh itu, beberapa perkara perlu dilakukan bagi menjadikan istilah Sastera Kanak-Kanak Islami satu konsep yang boleh membantu karyawan khususnya daripada orang Islam bagi menghasilkan karya sastera bermutu untuk golongan kanak-kanak. Selain itu, ia juga boleh menjadi panduan untuk ibu bapa ataupun guru dalam membuat pilihan bahan bacaan yang bersesuaian dengan tahap usia serta pemikiran kanak-kanak Muslim. Antara perkara yang perlu diberi penekanan ialah seperti berikut:

a) Kefahaman yang tepat tentang fungsi Sastera Kanak-Kanak Islami

Perlu difahami bahawa perincian berkenaan Sastera Kanak-Kanak Islami merupakan satu bentuk ijtihad para sarjana. Oleh itu, didapati wujud percanggahan idea dalam wacana mengenai konsep tersebut. Hal ini sama sepertimana yang berlaku dalam perbahasan mengenai Sastera Islam. Para sarjana yang terlibat dalam perbahasan mengenai Sastera Islam mempunyai pandangan yang berbeza dari sudut teknikal. Namun kesemuanya berhasrat untuk mengaitkan sastera dengan Islam sebaik mungkin. Hal inilah yang dinyatakan oleh Hazami (2004) ketika membuat ulasan tentang kepelbagaian sudut pandang sarjana dalam Kesusasteraan Melayu ketika membahaskan konsep Sastera Islam. Walau bagaimanapun, perlu difahami bahawa apa sahaja yang menjadi ketetapan Islam dalam urusan agama, maka kesemuanya perlu diambil kira secara sepenuhnya dalam hal berkaitan sastera. Sebagai contoh, jika Islam mengharamkan arak, maka apa sahaja kandungan sastera yang berusaha mempromosikan arak sebagai minuman yang halal adalah terkeluar daripada kerangka Sastera Islam.

Sebenarnya Sastera Kanak-Kanak Islami bukanlah satu “jubah” yang perlu disarungkan kepada mana-mana karya sastera kanak-kanak, kemudian membuat kesimpulan menghukum sama ada karya tersebut sepadan dengan konsep Sastera Kanak-Kanak Islam ataupun sebaliknya. Inilah pemahaman yang salah apabila terdapat segelintir individu yang cuba mendapatkan “fatwa” daripada orang yang pakar dalam bidang sastera berteraskan Islam, sama ada sesebuah karya yang sudah terhasil itu dikira sebagai karya Sastera Kanak-Kanak Islami ataupun sebaliknya. Hal inilah juga yang berlaku sekitar perbahasan tentang Sastera Islam. Fungsi sebenar konsep Sastera Kanak-Kanak Islami ialah sebagai rujukan atau panduan kepada karyawan untuk menghasilkan karya bermutu dengan kandungannya mesti menepati ajaran Islam untuk golongan kanak-kanak. Selain itu, dengan lambakan bahan bacaan kanak-kanak di pasaran, maka konsep Sastera Kanak-Kanak Islami dapat menjadi panduan kepada ibu bapa dan guru khususnya daripada kalangan orang Islam untuk memilih bahan bacaan yang bermanfaat untuk anak-anak mereka. Sastera Kanak-Kanak Islami bukan bertujuan untuk “menghukum” sebaliknya berfungsi untuk “memandu” masyarakat dalam menangani lambakan bahan bacaan untuk kanak-kanak.

b) Pemeriksaan wacana ilmiah sebagai satu wadah promosi

Menurut Shafie (2004), seseorang karyawan Muslim tidak akan maju berkembang tanpa memperkembangkan dirinya dengan ilmu. Inilah yang menjadi asas dalam pengkaryaan sastera

yang dikaitkan dengan Islam. Seorang karyawan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap karya sastra yang dihasilkannya. Semangat ingin terus menimba ilmu pengetahuan akan menjadikan seseorang karyawan sentiasa bersemangat dalam menghasilkan karya sastra terbaik untuk pembacanya. Sepertimana yang berlaku sekitar tahun 1980-an, wacana perbahasan mengenai Sastra Islam berlangsung dengan begitu “hidup”. Hal ini sehingga mencetuskan polemik panjang dalam kalangan karyawan seperti Shahnnon Ahmad dan Kassim Ahmad. Tulisan-tulisan perbezaan pandangan mereka mewarnai majalah dan surat khabar pada ketika itu. Mereka tidak berkelahi secara fizikal, tetapi mereka “bercakaran” menerusi tulisan-tulisan ilmiah mereka yang dibaca oleh masyarakat awam.

Rentetan daripada perkembangan wacana ilmiah yang positif dalam kalangan sarjana pada ketika itu, maka banyak simposium dianjurkan oleh persatuan dan pertubuhan berkaitan kesusasteraan. Menurut Nurazmi (1991), konsep Sastra Islam yang pada mulanya agak kabur semakin diperjelas oleh tokoh-tokoh yang berwibawa seperti Mohd Kamal Hassan, Ismail Ibrahim, Shahnnon Ahmad, Ismail Hamid, Muhammad Uthman El Muhammady, Shafie Abu Bakar dan lain-lain. Bukan itu sahaja, disebabkan sambutan hangat tentang wacana Sastra Islam, maka muncul banyak tulisan-tulisan berbentuk buku termasuk tulisan yang asalnya merupakan rencana-rencana kemudian diterbitkan dalam bentuk buku. Pihak Bahagian Agama, Jabatan Perdana Menteri turut menganjurkan peraduan mengarang cerpen, novel, drama dan puisi benunsur Islam (Nurazmi, 1991). Semua ini berlaku disebabkan wujudnya wacana Sastra Islam yang akhirnya menjadi medan mempromosikan konsep tersebut.

Inilah perkara yang perlu dilakukan sekiranya konsep Sastra Kanak-Kanak Islami ingin dimartabatkan dalam Kesusasteraan Melayu tanah air. Konsep ini tidak boleh dibiarkan lenyap tanpa sebarang perhatian oleh para sarjana dan karyawan Muslim. Konsep ini juga tidak boleh dibiarkan lesu kerana anak-anak Muslim perlu diberikan bahan-bahan karya yang boleh mendekatkan mereka kepada Islam. Golongan dewasa yang memahami kepentingan ajaran Islam dalam kehidupan adalah bertanggungjawab untuk memastikan kanak-kanak Muslim didedahkan dengan bahan-bahan yang dapat menambahkan ilmu pengetahuan mereka berkenaan dengan Islam.

c) Penolakan unsur-unsur khurafat dalam karya

Menurut Arba'ie, Nurul Azimah, Nik Rafidah dan rakan-rakan (2014), kanak-kanak memerlukan bahan bacaan yang dapat merangsang emosi dan perasaan agar perkembangan emosi mereka seiring dengan perkembangan jasmani, rohani, intelektual dan sosial. Ini bermaksud bahan bacaan boleh mempengaruhi tahap perkembangan pemikiran kanak-kanak. Justeru, Islam menekankan keperluan ibu bapa dan penjaga anak yang bertanggungjawab memastikan golongan kanak-kanak sentiasa dipandu terutama melibatkan perkara-perkara yang boleh mempengaruhi proses pertumbuhan fikiran mereka. Berdasarkan realiti semasa, terlalu banyak kisah mitos mewarnai sastra kanak-kanak. Situasi ini perlu diberi perhatian yang serius bagi memelihara pemikiran kanak-kanak Muslim daripada sebarang anasir yang bertentangan dengan akidah Islam.

Hal ini tidaklah bermaksud semua bahan bacaan yang mengandungi unsur mitos perlu dikategorikan sebagai bahan sesat, namun ia perlu ditangani secara berhati-hati agar kanak-kanak Muslim tidak terpengaruh dengan dakyah mitos sehingga membentuk pemikiran bahawa wujudnya kuasa besar yang bertentangan dengan akidah Islam. Perkara ini tidak boleh dipandang remeh kerana sememangnya cerita mitos ditakrifkan sebagai mengandungi unsur-unsur luar biasa (*supernatural*) iaitu merujuk kuasa luar biasa yang ada pada manusia atau makhluk lain (Ani, 2017). Bukankah perkara sebegini memerlukan perhatian yang serius oleh ibu bapa dan guru malah para karyawan agar bahan bacaan kanak-kanak yang dikatakan mempunyai unsur sastra tidak sewenang-wenangnya melepasi batasan tauhid.

Isu bahan bacaan kanak-kanak yang sepatutnya tidak mengandungi unsur khurafat telah ditangani oleh al-Nadwi menerusi usaha beliau menghasilkan karya kreatif khusus untuk kanak-

kanak. Pendedahan perkara-perkara yang bersifat khayalan atau dongeng sebenarnya perlu dielakkan daripada golongan kanak-kanak Muslim. Dalam mukadimah karya al-Nadwi yang dihasilkan khusus untuk golongan kanak-kanak berjudul *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) (1996: 6-7), beliau menjelaskan:

Terjemahan: Duhai anak saudara ku yang dimuliakan! Saya melihat kesungguhan mu membaca kisah dan hikayat. Dan begitu juga kanak-kanak yang seusia dengan mu. Kamu mendengar kisah dengan penuh minat, dan membacanya dengan penuh minat, akan tetapi sungguh mendukacitakan kerana saya tidak melihat pada tangan mu buku melainkan tentang kucing, anjing, singa, serigala, monyet, dan beruang...

Dan kamu telah mula mempelajari bahasa Arab kerana ia bahasa al-Quran, bahasa Rasulullah, dan bahasa agama Islam... Namun saya khuatir kamu tidak menemui kisah dalam bahasa Arab yang sesuai dengan usia mu, melainkan yang ada hanyalah kisah-kisah binatang, dan khayalan, dan khurafat.

Maka saya rasakan perlu dihasilkan bahan bacaan tentang kisah para nabi dan rasul untuk kamu dan anak-anak Muslim seusia dengan mu, dengan gaya bahasa yang mudah bersesuaian dengan umur dan jiwa mu. Maka saya hasilkan karya, dan inilah karya pertama daripada *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak), yang saya hadiahkan kepada kamu.

Mukadimah yang ditulis oleh al-Nadwi (1996) ini cukup jelas menggambarkan aspirasinya yang ingin memperbetulkan keadaan dalam pendidikan kanak-kanak Muslim. Penghasilan karya pertamanya berkaitan Sastera Kanak-Kanak Islami iaitu *Qasas al-Nabiyin li al-Atfal* (Kisah Para Nabi untuk Kanak-Kanak) teretus apabila melihat anak saudaranya iaitu Muhammad bin ‘Abd al-‘Ali al-Hasani yang gemar membaca buku-buku cerita namun semuanya berkaitan dengan kisah haiwan (al-Ghawri, 2009). Dalam keadaan anak saudara al-Nadwi juga ketika itu giat mempelajari bahasa Arab, maka al-Nadwi melihat satu keperluan agar golongan kanak-kanak Muslim semisal anak saudaranya itu didedahkan dengan kisah para nabi, dan bukannya kisah haiwan yang sarat dengan unsur dongeng dan khurafat.

Perkara tersebut membawa kepada pemahaman bahawa al-Nadwi amat prihatin terhadap keperluan golongan kanak-kanak untuk dihidangkan dengan bahan bacaan yang kandungannya bersifat benar. Maka kebenaran yang pasti adalah berkaitan kehidupan para nabi kerana sumber kepada kisah-kisah tersebut daripada al-Quran, hadis dan sejarah Islam.

d) Penekanan terhadap al-Sirah al-Nabawiyah

Dalam keadaan umat Islam memiliki ilmu bersumberkan sejarah kehidupan para nabi, maka keperluan untuk memanfaatkannya sebagai antara sumber ilmu bagi golongan kanak-kanak tidak boleh dikesampingkan. Sepatutnya kanak-kanak Muslim perlu didedahkan dengan kisah sejarah kehidupan para nabi (*al-Sirah al-Nabawiyah*) sejak awal peringkat umurnya boleh membaca. Malah galakan agar dibacakan kepada kanak-kanak buku berkaitan sejarah kehidupan para nabi perlu dilakukan agar mereka lebih mengenali individu-individu hebat pilihan Allah s.w.t. berbanding watak-watak mitos ciptaan manusia. Sebenarnya bahan bacaan mampu memberi pengaruh dalam pendidikan akhlak kanak-kanak. Bahan bacaan yang baik boleh menatijahkan akhlak yang baik dalam sahsiah kanak-kanak, begitu juga sebaliknya. Oleh yang demikian, sepertimana yang dinyatakan oleh Maisarah dan Latifah (2012), jati diri kanak-kanak boleh dibentuk melalui bahan bacaan yang mengandungi nilai-nilai murni.

Tambahan pula kisah kehidupan para nabi diambil daripada al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w. yang merupakan sumber berautoriti dalam Islam. Jika difahami dengan cermat, kisah-kisah yang dirakam dalam al-Quran kesemuanya bersifat benar dan bukan kisah khayalan atau ciptaan

manusia. Aspek pengajaran atau *ibrah* menjadi tunjang dalam penceritaan kisah dalam al-Quran. Oleh itu, semua kisah dalam al-Quran memiliki perbezaan jika dibandingkan dengan “kisah” atau “cerita” dalam kesusasteraan termasuk yang difahami dalam Kesusasteraan Melayu (Mohd Shahrizal & Nurazan, 2014). Malah Allah s.w.t. menjelaskan bahawa kisah para nabi yang dirakam dalam al-Quran adalah benar-benar berlaku dan mempunyai banyak pengajaran berguna untuk kehidupan manusia. Hal ini berdasarkan firman Allah s.w.t. dalam al-Quran:

Terjemahan: “Sesungguhnya ini ialah kisah-kisah yang benar; dan tiadalah Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Allah; dan (ingatlah), sesungguhnya Allah, Dialah jua yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

(Surah Ali ‘Imran, 3: 62)

Terjemahan: “Demi sesungguhnya, kisah para nabi itu mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah para nabi yang terkandung dalam al-Quran) bukanlah ia cerita-cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang tersebut dalam kitab-kitab agama yang terdahulu daripadanya, dan ia sebagai keterangan yang menjelaskan tiap-tiap sesuatu, serta menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman.”

(Surah Yusuf, 12: 111)

Sesungguhnya pengajaran daripada kisah para nabi membawa petunjuk kehidupan yang dapat menyerlahkan keluhuran sahsiah insan seawal usia kanak-kanak sepertimana yang dituntut oleh Islam. Malah pengiktirafan Allah s.w.t. dalam al-Quran tentang keluhuran peribadi para nabi sebagai golongan yang soleh mewajarkan keperibadian mereka dicontohi. Allah s.w.t. berfirman dalam al-Quran yang bermaksud:

Terjemahan: “Dan Kami telah kurniakan kepada Ibrahim; (anaknyanya) Ishak (daripada isterinya Sarah), dan (cucunya) Yaakub. Tiap-tiap seorang (daripada mereka) Kami telah berikan petunjuk, dan Nuh juga Kami telah berikan petunjuk dahulu sebelum itu; dan daripada keturunan Ibrahim itu (ialah nabi-nabi): Daud, dan Sulaiman, dan Ayyub, dan Yusuf, dan Musa, dan Harun. Dan demikianlah Kami memberi balasan kepada orang yang berusaha supaya baik amal perbuatannya. Dan (daripada keturunannya juga ialah nabi-nabi) Zakaria, dan Yahya, dan Isa, dan Ilyas; semuanya daripada kalangan orang yang soleh.”

(Surah al-An’am, 6: 84-85)

Sebenarnya usaha memberi penekanan terhadap kisah para nabi dalam Sastera Kanak-Kanak di Malaysia bukanlah satu perkara baharu. Menurut Ali, Siti Hajar dan Jelani (2007), kemunculan karya-karya seperti *Sirah al-Rasul*, *Qisas al-Anbiya* dan sebagainya dalam dunia Kesusasteraan Melayu berlaku disebabkan penerimaan masyarakat Melayu terhadap Islam. Hal ini memaparkan manifestasi perjuangan insan yang ingin meningkatkan diri menjadi makhluk Allah s.w.t. yang mulia dengan beribadat kepada-Nya termasuk menerusi cabang kesusasteraan. Oleh itu, semangat murni ini perlu diserlahkan kembali agar umat Islam tidak mengasingkan agama dan kesusasteraan sebagai dua entiti yang berbeza. Usaha ini perlu dimulakan melibatkan golongan kanak-kanak menerusi wadah Sastera Kanak-Kanak Islami.

KESIMPULAN

Konsep Sastera Kanak-Kanak Islami perlu difahami dengan tepat agar ia dapat memberi kebaikan kepada golongan kanak-kanak. Tambahan pula situasi semasa kini memerlukan ibu bapa dan guru membuat pilihan yang tepat terhadap lambakan bahan bacaan dalam pasaran. Sebenarnya, Islam telah pun menggariskan panduan tentang kandungan bahan bacaan yang sepatutnya diberi penekanan dalam proses pendidikan khususnya untuk golongan kanak-kanak. Ini antara lain

merujuk kepada kisah sejarah kehidupan para nabi atau dikenali sebagai *al-Sirah al-Nabawiyyah*. Pemerksaan *al-Sirah al-Nabawiyyah* sebagai bahan bacaan untuk kanak-kanak Muslim perlu diberi keutamaan bagi memastikan mereka mengenali dan mencontohi keperibadian para nabi yang diangkat sebagai insan berakhlak mulia di sisi Allah s.w.t. Oleh itu, konsep Sastera Kanak-Kanak Islami perlu diperkasa dalam suasana dan pemikiran yang positif. Hal ini bukanlah bertujuan untuk menyempitkan skop Sastera Kanak-Kanak, sebaliknya untuk mendekatkan sastera kepada golongan kanak-kanak yang selari dengan ajaran Islam. Karya sastera untuk kanak-kanak perlu berfungsi sebagai wadah membentuk pemikiran mereka dengan nilai-nilai murni. Dalam konteks kanak-kanak Muslim, mereka perlu dipastikan dapat memahami Islam daripada pembacaan bahan karya sastera. Bagi merealisasikan hasrat murni ini, beberapa perkara perlu diberi perhatian dalam usaha untuk memperkasakan wacana Sastera Kanak-Kanak Islami di Malaysia. Antara perkara tersebut ialah memperbetulkan salah faham orang ramai terhadap konsep Sastera Kanak-Kanak Islami dan mempergiatkan wacana mengenainya. Selain itu, usaha meneliti kandungan karya untuk kanak-kanak perlu sentiasa dilakukan bagi memastikan ketepatannya sejajar dengan ajaran Islam.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Basit Badr. 1421H. Juhud Abi al-Hasan fi khidmah al-Adab al-Islami. *Majallah al-Adab al-Islami*, 7(26-27), 38-42.
- ‘Abd al-Quddus Abu Salih. 1421H. al-Shaykh Abu al-Hasan al-Nadwi wa Rabitah al-Adab al-Islami al-‘Alamiyah. *Majallah al-Adab al-Islami*, 7(26-27), 157-161.
- Abdullah Basmeih. 2010. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Qur’an*. Cet. 12. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Adli Hj. Yaacob. 2007. Satu analisis ringkas konsep dan teori Sastera Islam di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat*, 29, 3-34.
- Ali Ahmad, Siti Hajar Che Man & Jelani Harun. 2007. *Tasawwur Islam dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Cet. 2. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Ani Omar. 2017. Cerita kanak-kanak berunsur mitos, lagenda dan sejarah membina kecendekiaan murid-murid sekolah dalam hospital. *Journal of Education and Social Sciences*, 7(1), 1-7.
- Arba’ie Sujud, Nurul Azimah Abdull Sedik, Nik Rafidah Nik Muhamad & Intan Zahariah. 2014. Ekspresi emosi melalui bahan bacaan sastera kanak-kanak. *Jurnal Melayu*, 13, 72-84.
- Berita Harian Online. Azura Abas. *Jadikan Malaysia Negara Membaca menjelang 2030*, 13 Disember 2018, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2018/12/508796/jadikan-malaysia-negara-membaca-menjelang-2030-maszlee> (diakses pada 13 Ogos 2020).
- Bernama Online. *Kadar literasi rakyat Malaysia masih pada tahap 55 peratus*, 21 April 2017, https://www.pnm.gov.my/pnm/resources/pdf%20file/keratan%20akhbar/2017/april/21_April_2017_Bernama_Online.pdf (diakses pada 18 Ogos 2020).
- Bin ‘Isa Battahir. 1998. al-Adab al-Islami wa naqduh ‘ind al-Shaykh Abi al-Hasan ‘al-Nadwi. *Majallah Islamiyah al-Ma‘rifah*, 12, 99-131.
- Harian Metro Online. Mohd Jamilul Anbia Md Denin. *Anak leka ‘ulang kaji’ novel lucu*, 29 Ogos 2007, <https://www.hmetro.com.my/Wednesday/BeritaUtama/39896/Article> (diakses pada 11 Julai 2020).
- Hazami Jahari. 2004. Sastera Islam di Malaysia: Pengisian makna daripada sudut penikmat karya. Dlm. *Sastera Islam: Citra Nurani Ummah*. Mohamed Anwar Omar Din (pnyt.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Imad al-Din Khalil. 1987. *Madkhal ila nazariyat al-Adab al-Islami*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Kamus Dewan Edisi Keempat - Dalam Talian, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=islamiah> (diakses pada 17 September 2020).
- Kassim Ahmad. 1983. Sastera Islam: Pertemuan antara keindahan dan kebenaran, *Dewan Sastera (Februari)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Khidmat Nasihat DBP, 27 Februari 2012, <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=islami&d=175768&#LIHATSINI> (diakses pada 12 September 2020).
- al-Kilani, Najib. 1992. *Madkhal ila al-Adab al-Islami*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Liaw Yock Fang. 1975. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Maisarah Saidin & Latifah Abdul Majid. 2012. Pembentukan jati diri kanak-kanak melalui bahan bacaan bahasa Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 4(1), 77-102.
- Mohamad Akram Nadwi. 2013. *Shaykh 'Abu al-Hasan 'Ali Nadwi: His life and works*. West Yorkshire: Nadwi Foundation.
- Mohd Kamal Hassan. 1980. "Sastera Islam", dalam *Sekitar Pemikiran Kesusasteraan Islam*. Kuala Lumpur: Gabungan Penulis-Penulis Islam Malaysia (GAPIM).
- Mohd Shahrizal Nasir & Nurazan Mohamad Rouyan. 2014. Qissah Qur'aniyyah dalam surah al-Kahf menyerlahkan pengajaran ('ibrah) dan fadilat surah. *'Ulum Islamiyyah Journal*, 14, 131-156.
- Mohd Shahrizal Nasir & Kamarul Shukri Mat Teh. (2020). Sumbangan al-Nadwi terhadap perkembangan sastera Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(3), 111-130.
- Muhammad 'Abbas 'Arabi. 2016. Adab al-Tifl al-Islami: al-Shaykh Abu al-Hasan al-Nadwi Namuzajan. *al-Majallah al-Ilkturuniyah li Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyyah*, 65, <https://adabislami.org/magazine/2016/12/2773/14> (diakses pada 5 Mei 2020).
- Muhammad Bukhari Lubis. 2017. *Kesusasteraan Islami Bandingan: Menyingkap tabir, mengungkap fikir*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Murtad. 2018. Istifadah Adab al-Atfal al-Islami min al-'Ulum al-Insaniyyah al-Mukhtalifah. *al-Majallah al-Ilkturuniyah li Rabitah al-Adab al-Islami al-'Alamiyyah*, 84, <https://mail.adabislami.org/magazine/2018/10/3546/208> (diakses pada 17 Jun 2020).
- Muhammad Qutb. 1983. *Manhaj al-fan al-Islami*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi. 1957. al-Hajah ila ist'rad jadid li maktabat al-Adab al-'Arabi, *Majallah Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah bi Dimashq*, 32(4), 633-646.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali al-Nadwi. 1983. *al-'Aqidah wa al-'ibadah wa al-suluk fi daw' al-Kitab wa al-sunnah wa al-sirah al-nabawiyyah*. Cet. 2. Kuwait: Dar al-Qalam.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan 'Ali. 1996. *Qasas al-nabiyyin li al-afal*. Cet. 20. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Nahwi, 'Adnan 'Ali Rida. 2006. Adab al-Atfal al-Islami wa al-usturah. *Majallah al-Ba'th al-Islami*, 9(51), 62-69.
- Nasr al-Din Ibrahim. 1998. *Nahw itar Islami li al-shi'r al-'Arabi*. Kuala Lumpur: Markaz al-Buhuth bi al-Jami'ah al-Islamiyyah al-'Alamiyyah bi Maliziya.
- Nurazmi Kuntum 1991. *Teori dan pemikiran Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman Hj. Khalid. 1977. Taha Husayn dan novel al-Ayyam. *Jurnal Islamiyyat*, 1, 15-22.
- Osman Hj. Khalid. 1999. *Kesusasteraan Arab zaman permulaan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahmah Ahmad Osman & Mohd Shahrizal Nasir. 2011. Sastera Islam: Satu perbandingan antara pandangan Mohd. Affandi dengan Abu al-Hasan Ali al-Nadwi, *Jurnal e-Utama*, 3 (Edisi Khas), 55-81.
- Rahmah Ahmad Osman. 2006. Islamic Literature and Sastera Islami: A conceptual comparison. *Intellectual Discourse*, 14(1), 71-87.
- Rahman Shaari. 1983. *Kesusasteraan dan etika Islam*. Dewan Sastera (Mac). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Rajihi, 'Abduh. 1988. *al-Tatbiq al-Nahwi*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah li al-Tiba'ah wa al-Nashr.

- Rosni Samah. 2013. The thought of Islamic Literature in Modern Malaysian Literature. *International Journal of Social, Human Science and Engineering*, 7(4), 1-7.
- Rosni Samah. 2015. Pemikiran sastera Islam dalam perkembangan sastera Arab Moden. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 3(2), 71-78.
- Sa'd Abu al-Rida. 1983. *al-Adab al-Islami: Qadiyah wa al-bina'*. Jeddah: 'Alam al-Ma'rifah.
- Sahlan Mohd Saman. 2004. Sastera Islam di Malaysia: Antara tuntutan dan pengisiannya. Dlm. *Sastera Islam: Citra Nurani Ummah*. Mohamed Anwar Omar Din (pnyt.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sayyid Qutb. 1962. *Khasa'is al-tasawwur al-Islami*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Sayyid Qutb. 1983. *al-Mustaqbal li hadha al-Din*. Kaherah: Dar al-Shuruq.
- Shafie Abu Bakar. 2004. Fokus Sastera Islam. Dlm. *Sastera Islam: Citra Nurani Ummah*. Mohamed Anwar Omar Din (pnyt.). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahnon Ahmad. 1983. Masalah kegiatan kesusasteraan sebagai satu ibadah. *Dewan Sastera (Januari)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Shanti, Muhammad Salih. 2005. *Fi al-Adab al-'Arabi al-qadim: 'Asruh, wa ittijahatuh, wa tatawwuruh, wa namazij madrusah minh*. al-Mujallad al-awwal. al-Tab'ah al-rabi'ah. Ha'il: Dar al-Andalus li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Shawqi Dayf. 2007. *Tarikh al-adab al-Arabi: al-'Asr al-Jahili*. Cet. 27. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Shawqi Dayf. t.th. *Tarikh al-adab al-Arabi: al-'Asr al-Islami*. Cet. 17. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Taha Hussayn. 1991. *Min tarikh al-Adab al-'Arabi: al-'Asr al-Jahili wa al-'Asr al-Islami*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- al-Tahir Muhammad 'Ali. 1989. *al-Malamih al-'ammah li nazariyyah al-Adab al-Islami*. Iskandariah: Dar al-Ma'rifah al-Jami'iyyah.
- al-Tatawi, 'Abdullah. 1989. *Ab'ad al-mu'aththir al-Islami fi al-qasidah al-'Arabiyyah*. Kaherah: Dar al-Thaqafah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. 1989. The notion of dakwah and its perceptions in Malaysia's Islamic Literature of the 1970s and '80s". *Journal of Southeast Asian Studies*, 2, 288-297.